

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI MOHD FASIAH BIN HAJI MOHD
FAKIH [SABAK BERNAM]**

SOALAN

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan keluasan tanah pertanian di negara ini dan nyatakan keluasan tanah pertanian yang terbiar dan tidak diusahakan serta apakah langkah Kementerian untuk memajukan tanah-tanah terbiar ini termasuk bekerjasama dengan kerajaan negeri.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, keluasan tanah pertanian di bawah Sektor Agromakanan yang direkodkan oleh Jabatan Pertanian berdasarkan Peta Guna Tanah Tahun 2018 adalah seluas 5,587,214.32 hektar.
2. Berdasarkan penentuan lot tanah terbiar yang dijalankan pada tahun 2019, Jabatan Pertanian telah mengenalpasti seluas 103,563 hektar tanah terbiar melibatkan 46,382 lot di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan.
3. Dari tahun 2007 sehingga 2020, seluas 10,367 hektar tanah terbiar seluruh Malaysia telah dibangunkan melibatkan 8,179 orang pengusaha dengan jumlah peruntukan sebanyak RM111.6 juta telah dibelanjakan. Tanah-tanah tersebut telah dibangunkan dengan

SOALAN NO : 277

pelbagai jenis tanaman seperti buah-buahan, sayur-sayuran, padi dan kelapa dengan jumlah pengeluaran sebanyak 225,578 tan metrik (MT) dan nilai pengeluaran berjumlah RM214.5 juta.

4. Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) dalam usaha mengoptimumkan penggunaan tanah untuk tujuan pertanian menerusi Projek Pembangunan Tanah Terbiar dengan menawarkan insentif kepada usahawan dan pemilik tanah pada kadar maksimum RM20,000/hektar secara *one-off* bagi:

- i. pembangunan infrastruktur asas seperti pembersihan kawasan, sistem pengairan dan saluran serta pembinaan jalan ladang; dan
- ii. input pertanian berupa benih, baja, racun, mesin dan peralatan kecil.

5. MAFI sentiasa bekerjasama dengan Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pertanian Negeri dalam membangun dan memajukan tanah-tanah terbiar. Sebagai contoh di negeri Selangor, seluas 111.2 hektar tanah terbiar telah dibangunkan melibatkan 66 orang pengusaha dengan peruntukan sebanyak RM2.19 juta. Antara tanaman yang telah diusahakan adalah pisang, kelapa matag, nanas, durian serta beberapa jenis sayur-sayuran sebagai tanaman sampingan. Jumlah pengeluaran yang direkodkan adalah sebanyak 11,112 MT dengan nilai pengeluaran berjumlah RM1.6 juta.

6. Manakala, di bawah RMKe-12, MAFI telah mengemukakan 37 permohonan projek pembangunan pertanian yang boleh dimanfaatkan oleh petani untuk membangunkan tanah-tanah pertanian termasuk tanah terbiar dengan pelbagai jenis tanaman.

Sekian, terima kasih.